



PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KALI KE-14

TAHUN 2019

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke-35
anjaran

Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
dengan kerjasama

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kementerian Pendidikan

Persatuan dan Pergerakan Belia

1. PENDAHULUAN

Semangat cintakan negara amat dituntut oleh ugama Islam. Belia diseru untuk taat kepada Allah, setia kepada raja dan cinta kepada negara. Belia juga diminta untuk menghargai dan mengamalkan sikap pemedulian dan memberikan khidmat bakti kepada orang lain dalam kehidupan bermasyarakat. Perkara ini jelas digariskan dalam Dasar Belia Negara dan harus diambil perhatian oleh belia itu sendiri.

Program Belia Cinta Tanah Air telahpun 13 tahun berjalan dengan jayanya dengan tujuan utama untuk meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat serta menyemarakkan lagi semangat kenegaraan (patriotik) para belia semasa Sambutan Hari Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Program ini juga telah melahirkan belia berpotensi melalui penghargaan peserta terbaik di akhir program yang mana belia-belia tersebut akan dilibatkan bagi mengikuti program jabatan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, tertakhluk kepada kriteria program. Ke arah meneruskan lagi pembangunan belia yang mampan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan lagi pengendalian Program Belia Cinta Tanah Air kali ke-14 bagi tahun 2019 melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Persatuan/Pegerakan Belia berkaitan.

Program ini juga diteruskan dengan harapan lebih ramai lagi belia yang berjiwa patriotik, cinta kepada negara, berwawasan, menghargai keperibadian bangsa. Selain daripada itu, diharap program ini dapat dijadikan satu mekanisme dalam membimbing para belia untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan yang bersifat kenegaraan dan kemasyarakatan dengan harapan dapat memberi impak patriotik yang sangat kuat dan sekaligus meningkatkan lagi semangat patriotik dikalangan belia serta membangun keluhuran jasmani dan rohani supaya menjadi lebih tabah serta berfikiran terbuka dalam menghadapi apa jua cabaran ke arah melahirkan generasi belia berwawasan.

2. TUJUAN

Meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat.

3. OBJEKTIF

- a) Mengadakan aktiviti kenegaraan ke arah meningkatkan lagi semangat patriotik para belia.
- b) Menyuntik semangat para belia untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti pembangunan belia seperti kepimpinan, kesukarelawanan, keugamaan dan sukan.
- c) Menyemarakkan semangat setia kawan, gotong-royong dan saling bantu diantara satu sama lain.

4. TARIKH & TEMPAT

Program Belia Cinta Tanah Air ini akan dijalankan dalam beberapa aktiviti seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Sesi Latihan di daerah	TBC (Tertakhluk daerah)	TBC
2	Menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	16hb Februari 2019	Pejabat Daerah di keempat-empat daerah
3	Pengagihan Bendera ke empat-empat daerah	16hb Februari 2019	Rumah-rumah terpilih (TBC)
4	Perkampungan BCTA	18hb hingga 24hb Februari 2019	Kompleks Sukan Sg Kebun
5	Menyertai Majlis Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	22hb Februari 2019	Masjid Omar Ali Saifuddien
6	Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	23hb Februari 2019	Padang Sir Muda Omar Ali Saifuddien
7	Majlis Penghargaan BCTA	23hb Februari 2019	Dewan Riadah, Pusat Belia BSB

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
8	Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan	24hb Februari 2019	Padang Sir Muda Omar Ali Saifuddin

5. PENYERTAAN

- Penyertaan dibukakan kepada **60 orang** belia lelaki dan perempuan terdiri daripada belia persendirian, belia masjid, belia MPK, lepasan penuntut A level, mahasiswa/i Institut Pengajian Tinggi yang berumur diantara 18 hingga 30 tahun. Pecahan penyertaan bagi setiap daerah adalah seperti berikut:-

Pecahan	Jumlah Peserta
Daerah Brunei Muara	22
Daerah Tutong	15
Daerah Belait	15
Daerah Temburong	8

- Borang penyertaan akan mula dibukakan pada 10hb Disember 2019 melalui 2 kaedah, iaitu:-
 - Online : Menggunakan *google form*;
 - Offline : Boleh didapatkan di Pusat Belia di ke empat-empat daerah.
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **12hb Januari 2019**.

6. PELAKSANAAN

6.1 Sebanyak lima (5) komponen akan diterapkan dalam melaksanakan Program Belia Cinta Tanah Air 2019, iaitu:-

KENEGARAAN

- Memberi pendedahan tentang nilai-nilai dan semangat patriotisme yang perlu ditanam dan diaplikasi dalam kehidupan seharian belia.

KEPIMPINAN

- Mengasah bakat kepimpinan belia termasuklah pembangunan jati diri, disiplin diri, semangat kerja berpasukan dan kemahiran penyelesaian masalah.

KESUKARELAWANAN

- Memupuk dan merangsang perpaduan dikalangan para belia dengan masyarakat luar serta membuka minda mereka dalam melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarelawan dan kemasyarakatan.

KEUGAMAAN / KEROHANIAN

- Meningkatkan nilai kehidupan islam serta mengintegrasikan keimanan dan ketakwaan para belia terhadap Tuhan khususnya serta pemerintah, orang tua dan masyarakat amnya disamping mengembangkan akhlak dan peribadi yang baik.

SUKAN DAN REKREASI

- Memberi kesedaran tentang pentingnya bersukan dan menjadikan sukan dan rekreasi sebagai salah satu platform bagi para belia berinteraksi diantara satu sama lain dan mengeratkan silaturrahim serta mewujudkan perpaduan sesama mereka melalui aktiviti fizikal.

BIL	AKTIVITI	PELAKSANAAN
1	Menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta akan menerima bendera daripada pegawai daerah masing-masing dan akan bergerak di daerah masing-masing bagi pengagihan bendera ke rumah-rumah terpilih.
2	Pengagihan Bendera ke empat-empat daerah	<ul style="list-style-type: none"> • Sebanyak 35 bendera akan diagihkan ke rumah-rumah terpilih di seluruh negara iaitu 12 bendera di daerah Brunei Muara, 8 bendera di daerah Tutong, 8 bendera di daerah belait dan 7 bendera di daerah Temburong. • Majlis pengagihan akan dimulakan dengan penyerahan bendera kepada Ketua Kampung terpilih sebagai tetamu kehormat majlis sebelum bergerak mengagihkan ke rumah-rumah. • Perjalanan (route) pengagihan akan disediakan oleh daerah masing-masing.
3	Perkampungan BCTA	<ul style="list-style-type: none"> • Perkampungan BCTA akan mengambil tempat di Kompleks Sukan Sg Kebun dan kesemua peserta akan tinggal secara berasrama selama 7 hari 6 malam. • Beberapa aktiviti telah pun disusun bagi pengisian program disepanjang perkampungan. • Jadual harian seperti dalam lampiran 1.
4	Menyertai Majlis Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Kesemua peserta akan turut menyertai bagi meramaikan lagi Majlis Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019 yang akan mengambil tempat di Masjid Omar Ali Saifuddien.

BIL	AKTIVITI	PELAKSANAAN
5	Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta dan Ahli Jawatankuasa PBCTA akan turut menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019.
6	Majlis Penghargaan BCTA	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan Tetamu Kehormat:- <ol style="list-style-type: none"> i. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. ii. Setiausaha Tetap, KHEDN • Penyampaian sijil penyertaan dan penghargaan peserta terbaik lelaki dan perempuan. • Reporting Session daripada peserta hasil dan keberkesanan program. • Ibu bapa juga akan dijemput bagi menghadiri majlis ini sebagai penghargaan di atas peranan penting ibu bapa dalam pembangunan anak-anak. • Atur cara majlis seperti dalam lampiran 2.

- Program ini akan dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan serta Persatuan dan Pergerakan Belia:-

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	Sebagai peneraju utama Program Belia Cinta Tanah Air 2019
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan daripada belia-belia MPK • Penglibatan Jabatan Daerah bagi menerima bendera selepas upacara menaikkan bendera besar dan majlis pengagihan bendera • Dan lain-lain yang berkaitan
Kementerian Hal Ehwal Ugama	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan daripada belia masjid dan belia daie • Dan lain-lain yang berkaitan
Kementerian Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan daripada mahasiswa/mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi dan penuntut-penuntut lepasan A level • Dan lain-lain yang berkaitan
Persatuan dan Pergerakan Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai <i>stakeholder</i> bagi sama-sama mencapai matlamat dan objektif program

7. SIJIL PENYERTAAN DAN PENGHARGAAN

Penghargaan berupa plak akan diberikan kepada Peserta Lelaki Terbaik dan Peserta Perempuan Terbaik. Peserta Terbaik ini juga akan dilibatkan dan didedahkan dengan program-program Jabatan. Sijil Penghargaan juga akan diberikan pada Majlis Penghargaan.

8. AGENSI LAIN YANG TERLIBAT

- a) Jabatan Daerah Brunei Muara
- b) Jabatan Daerah Tutong
- c) Jabatan Daerah Belait
- d) Jabatan Daerah Temburong
- e) Majlis Perundingan Kampung
- f) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- g) Jabatan Hal Ehwal Masjid
- h) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
- i) Jabatan Penjara
- j) Jabatan Penerangan
- k) Pusat Sejarah
- l) Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam
- m) Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)
- n) Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2018
- o) Kumpulan Sukarelawan *Day of Actions (D.o.A)*
- p) Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT)
- q) Belia Da'ie Brunei

9. KEBERKESANAN PROGRAM

- a) Menanam semangat patriotisma dan kemasyarakatan para belia untuk lebih mencintai tanah air serta menghargai kepribadian bangsa.
- b) Berkesan dalam mengintegrasikan perpaduan para belia untuk lebih memahami kepentingan mereka kepada raja, masyarakat dan Negara.
- c) Melahirkan belia yang mempunyai semangat kesukarelaan yang tinggi.
- d) Membentuk perwatakan positif.

10. PERUNTUKAN

Kearah persiapan PBCTA2019, peruntukan yang dipohonkan adalah seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI	PERUNTUKAN
1	MENYERTAI UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019	\$1,659.00
2	MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KE EMPAT-EMPAT DAERAH	\$1,746.50
3	PERKAMPUNGAN BCTA	\$9,850.00
4	MENYERTAI PERBARISAN LALU SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019	\$4,000.00
5	MAJLIS PENGHARGAAN BCTA	\$1,330.00
JUMLAH KESELURUHAN [Sila lihat lampiran 3 untuk pecahan peruntukan]		\$18,585.50

